

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 JULY 2017

'Wayang pelik' Mahathir-Anwar dahulu dan sekarang

UM - 9/7/2017 Pg. 12

TANPA kemasukan Datuk Seri Anwar Ibrahim ke dalam kerajaan pada 1982, 'sakit kepala' Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 1998 mungkin tidak seberat mana.

Gandingan Mahathir-Anwar adalah contoh tersohor tentang bila kawan jadi lawan yang kemudian jadi kawan semula.

Bermula dari 1982 hingga 1997, Anwar naik macam roket dalam kariernya yang di-boost oleh bahan api mentornya, Mahathir.

Akhirnya lantaran mengiakn dorongan kawan dan penyokong yang tak sabar, Anwar merancang dan melaksanakan operasi 'ambil alih' kuasa melalui taktik yang di luar tradisi UMNO. Beliau kecundang lantas dibaham sistem undang-undang yang beliau sendiri turut menguatkuasakannya (Akta Pengegah Rasuah 1997).

Sebelum 1997, gandingan Mahathir dan Anwar masing-masing selaku Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri serta Presiden dan Timbalan Presiden UMNO. Mereka tak ubah macam isi dengan kuku.

Dalam Perhimpunan Agung 1996, Anwar menghamburkan pantun berikut di atas pentas dengan sambutan tepukan gemuruh daripada sidang perwakilan:

*Angkut-angkut terbang ke langit
Tiba di langit di makan merbah
Biar tertangkap bumi dan langit
Setia saya tidak akan berubah.*

Pada 1982 ketika Anwar baru hendak masuk UMNO, seorang orang kuat parti pernah memberi pandangan peribadi tentang An-

MUKADIMAH

SEJAK dahulu lagi Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun

Dr. Mahathir Mohamad penuh dengan kerenah dan sikapnya yang kontroversi serta sukar dikawal sesiapa. Gelagat bekas Perdana Menteri itu seolah-olah suatu seni politik 'sapu sahaja, janji boleh' - yang setara

ANALISIS

SIRI 8

dengan inti pemikiran politik Machiavelli yang berteraskan kekuasaan. Ikuti babak-babak yang pernah dicituskan Dr. Mahathir semasa beliau berurusan

dalam parti dan kerajaan dalam 10 siri yang dilaporkan wartawan *Mingguan Malaysia*, **ZULKIFLI JALIL.**

war kepada Mahathir yang pada masa itu baru jadi Perdana Menteri. Orang berkenaan memberi perbandingan dari hal peranan Anwar semasa memimpin Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) mulai 1974 dan bagaimana sukarnya beliau selaku Setiausaha Parlimen sebuah kementerian dan Pak Lah (Tun Abdullah Ahmad Badawi) ketika itu dirasuk oleh gara-gara Anwar hendak meng-ABIM-kan persatuan-persatuan belia Melayu. Pemuda UMNO turut bergelumang dengan sistem ABIM yang ternyata tidak sebulu dengan perjuangan kebangsaan UMNO.

Malangnya Perdana Menteri senyung sahaja, kurang percaya. Pandangan orang kuat parti itu diterima dengan ungkapan "Don't worry."

Anwar melalui pengalaman politik kampus dan ABIM sibuk mewujudkan sel-sel di dalam dan luar kerajaan. Menjelang tahun

1988, ramai pemimpin parti mula terasa jika topik perbuahan ditumpukan kepada gara-gara Anwar di dalam parti dan kerajaan, hendaklah berjaga-jaga kerana 'orangnya' mungkin menelinga dan melaporkan kepada ketuanya, yakni Anwar. Lama-kelamaan Anwar Ibrahim menjadi institusi politik yang meningkat pengaruh dan kekuatannya. Kegiatannya masuk UMNO sebagai 'melompat masuk rumah melalui tingkap' dan bukan melalui pintu.

Menjelang 1998 sebelum dipecat daripada parti dan kerajaan, Anwar beberapa kali membuat kenyataan yang bercanggah dengan Perdana Menteri. Pendapat fiskal beliau yang bertembung dengan dasar yang digariskan oleh Mahathir mengenai peranan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dan beberapa isu fiskal negara dilihat sebagai pertembungan. Penyokong Anwar semacam sudah



GAMBAR fail menunjukkan reaksi Dr. Mahathir Mohamad dan Anwar Ibrahim tidak berapa lama sebelum pemecatan Timbalan Perdana Menteri itu daripada UMNO dan kerajaan pada September 1998.

tidak tahan lagi menunggu giliran untuk bos mereka jadi orang nombor satu.

Dan andai Anwar tidak meletak jawatannya sebelum 2 September 1998, berkemungkinan sejarah negara beralih haluan hari ini, kerana orang seperti beliau akan mampu tegak semula dan menyusun langkah untuk memimpin UMNO selepas era Mahathir.

Bagaimanapun itu tidak berlaku. Dan Anwar rupa-rupanya terpalit dalam isu moral yang teruk dan kini sedang menjalani hukuman penjara.

Tanpa Anwar, masalah Mahathir mentadbir parti dan kerajaan akan berkurangan kerana akan bebas daripada angkara gunting dalam lipatan.

dalam Kabinet dalaman Mahathir.

Pemecatan Anwar mengakibatkan orang Melayu berpecah-belah dengan terbahagi kepada kem-kem tertentu. Demonstrasi jalaan dan reformasi serta tohmahan dan fitnah memfitnah menjadi tular dari mulut ke mulut sebelum menjadi kritikal dengan kedatangannya laman sosial.

Selepas 18 tahun berlalu, Mahathir akhirnya 'menjilat ludahnya sendiri' apabila berjabat tangan dengan Anwar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 5 September tahun lalu.

Mahathir yang kini Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) sedang menyusun strategi untuk menumbangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam PRU-14.

Salah satu strategi yang dilihat ialah dengan merapati Anwar.

Persoalannya, mampukah para penyokong Anwar dan PKR melupakan kekejaman Mahathir terhadap ketua mereka itu?

Bertempat di IDCC Shah Alam pada 25 Februari lalu, kehadiran mengejut bekas Perdana Menteri itu ke Majlis Konvensyen Reformis disambut dengan sorakan dan ejekan oleh kira-kira 300 orang peserta.

Ketika Mahathir secara terang-terangan meminta semua pihak untuk melupakan perkara yang telah lama berlalu, sekali lagi ucapannya disambut dengan "Tak boleh lupa Tun! Lapan belas tahun Tun!".

Ia dipercayai merujuk kepada permulaan kebangkitan gerakan reformasi kesan daripada pemecatan Anwar pada 1998.